

# **KEJOHANAN KICKBOXING (K1) BORNEO MARTIAL ARTS EXPO DI PALM BEACH RESORTS WP LABUAN**

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2825-kejohanan-kickboxing-k1-borneo-martial-arts-expo-di-palm-beach-resorts-wp-labuan](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2825-kejohanan-kickboxing-k1-borneo-martial-arts-expo-di-palm-beach-resorts-wp-labuan)

LABUAN, 31 Dis 17 - Pasukan Labuan Airbase Martial Art (L.A.M.A.) telah ditubuhkan pada 16 Dis 17 bagi mewakili PU Labuan dalam Kejohanan Kickboxing (K1) Borneo Martial Arts Expo buat julung kalinya di Palm Beach Resort, WP Labuan pada 29-31 Dis 17.

Seramai seorang pegawai dan 12 anggota LLP terlibat dalam kejohanan tersebut. Pegawai yang mengetuai pasukan di kejohanan tersebut merupakan Pegawai Seni Mempertahankan Diri (SMD) Pangkalan iaitu Kapt Mohd Hisyam bin Abd Rahman TUDM.

Emas pertama diperolehi menerusi acara Pertunjukan Seni Mempertahankan Diri (Demo) dari acara silat oleh Kpl U Mohd Shah Fazrin bin Rowani pada pembukaan kejohanan tersebut. Pada kejohanan yang berlangsung selama 3 hari ini telah menyaksikan pasukan L.A.M.A memenangi 7 pingat iaitu 2 pingat Emas, 2 pingat Perak dan 3 pingat Gangsa. Ini merupakan pencapaian yang terbaik pasukan L.A.M.A yang pertama kali menyertai kejohanan yang besar ini.

Pasukan L.A.M.A ini ditubuhkan bertujuan bagi mencungkil bakat-bakat terpendam di kalangan anggota yang meminati sukan tempur tanpa senjata ini. Dengan sokongan padu dari Komander Pangkalan, YBhg Brig Jen Dato' Sardon bin Hassan TUDM, diharap Pasukan L.A.M.A dapat menempa meneruskan kejayaan dan secara langsung dapat mengharumkan nama PU Labuan khasnya dan TUDM amnya.



